

SOALAN NO. 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL
HADI BIN AWANG [MARANG]**

TARIKH : 8 MAC 2017

SOALAN :

**YB Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang [Marang] minta PERDANA
MENTERI menyatakan sejauh mana usaha yang telah dilakukan oleh pihak
Kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan protokol dan keraian yang
melibatkan elaun, kos perjalanan luar negara dan penganjuran program para
menteri dengan tujuan menjiwai penderitaan rakyat marhaen.**

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah untuk mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan. Kementerian Kewangan juga melalui Pekeliling Perpendaharaan Malaysia PB 3.1 bertarikh 11 Mac 2016 telah menetapkan Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan. Antara strategi-strategi yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan untuk mengurangkan beban kewangan Kerajaan adalah seperti berikut:

- i. Mengurangkan elaun keraian YB Menteri dan YB Timbalan Menteri selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 11 Jun 2008;
- ii. Perjalanan bertugas rasmi ke luar negara hanya dibenarkan bagi urusan mesyuarat dan persidangan yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri sahaja; dan
- iii. Penganjuran majlis mahupun program keraian rasmi Kerajaan juga telah dihadkan dan dilaksanakan secara sederhana atau dilaksanakan dalam skala yang kecil.

Kementerian Kewangan juga telah mengeluarkan garis panduan kepada semua Kementerian untuk mengawal dan menghadkan perbelanjaan-perbelanjaan seperti elaun lebih masa, perbelanjaan utiliti, sewaan pejabat, peralatan pejabat, barang pakai habis, kempen, promosi, dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.